

**PEMBENTUKAN SAHSIAH UNGGUL MELALUI PEMBELAJARAN  
ILMU HADIS: SUATU ANALISIS TERHADAP MAHASISWA  
UNIVERSITI SELANGOR**

**LIANA AB LATIF**

**Universiti Selangor**

lianaablatif@unisel.edu.my

**MASYITAH AZ ZAHRA HAMKA**

**Universiti Selangor**

masyitahazzahra89@gmail.com

**Abstract**

Islamic teachings state that morality is an important asset in the scope of education where it plays an important role in building individuals with noble morals. Optimal education will produce individuals with high moral values and character. Therefore, there are various components of social learning that can influence students' morals and personality. Therefore, this study aims to examine the concept of superior personality formation among Selangor University students. This study also aims to analyze the effectiveness of learning hadith knowledge to influence the formation of superior personalities among Selangor University students. This study also suggests a suitable alternative in the application of hadith knowledge as an important element for the formation of the superior personality of University of Selangor students. This study uses a qualitative research design. The data of this study was obtained through structured interviews with 3 Selangor University students who had taken the subject of hadith science during their studies. Next, the data from the interview will be analyzed through the atlas.ti software 9. It is hoped that this study can give awareness to students to build a superior personality through the study of hadith. In addition, through this study, we can also produce a generation of Muslim students who not only excel in academics but also excel in personal development so that they can bring a good image in the eyes of the Malaysian community.

*Keywords: Formation, Outstanding Personality, Hadis, Student, University of Selangor*

## **The Formation of Superior Personality Through Hadis Knowledge Learning: An Analysis on University of Selangor Students**

### **Abstrak**

Ajaran Islam menyatakan bahawa akhlak merupakan aset penting dalam skop pendidikan di mana ia memainkan peranan penting terhadap pembinaan individu yang berakhlak mulia. Pendidikan yang optimum akan menghasilkan individu yang mempunyai nilai moral dan budi pekerti yang tinggi. Oleh itu, terdapat pelbagai komponen pembelajaran sosial yang dapat mempengaruhi akhlak dan sahsiah pelajar. Justeru, kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji konsep pembentukan sahsiah unggul dalam kalangan mahasiswa Universiti Selangor. Kajian ini juga bertujuan menganalisis keberkesanan pembelajaran ilmu hadis dapat mempengaruhi pembentukan sahsiah unggul dalam kalangan mahasiswa Universiti Selangor. Kajian ini juga mencadangkan alternatif yang bersesuaian dalam penerapan pembelajaran ilmu hadis sebagai elemen penting bagi pembentukan sahsiah unggul mahasiswa Universiti Selangor. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Data-data kajian ini diperolehi melalui temu bual berstruktur seramai 3 orang mahasiswa Universiti Selangor yang pernah mengambil subjek ilmu hadis sewaktu pengajian. Seterusnya data-data daripada temu bual tersebut dianalisis melalui perisian atlas.ti 9. Diharapkan kajian ini dapat memberi kesedaran terhadap mahasiswa untuk membina peribadi yang unggul melalui pembelajaran hadis. Selain itu, melalui kajian ini juga dapat melahirkan mahasiswa generasi muslim yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik namun juga cemerlang dalam pembentukan peribadi supaya ia boleh membawa imej yang baik di mata masyarakat Malaysia.

*Kata kunci: Pembentukan, Sahsiah Unggul, Hadis, Mahasiswa, Universiti Selangor*

## **PENGENALAN**

Islam menggalakkan umatnya berpendidikan seimbang dan menyeluruh dengan mengambil kira aspek rohani dan jasmani sebagai contoh mempelajari ilmu al-Quran dan hadis sebagai panduan hidup dalam membentuk sahsiah serta sikap terhadap diri (Nor Asma, M. I. et. al, 2017). Halim, Amran Abdul, et al., (2020); Yusuf, N., (2015) pula menyatakan hadis merupakan sumber kedua penting selepas al-Quran. Hadis didefinisikan segala perkataan, perbuatan dan pengakuan nabi Muhammad SAW. Menurut Anwar, L. (2020), pada zaman baginda SAW pelaksanaan pembelajaran hadis adalah melalui proses hafalan. Ini dapat dibuktikan bahawa sebahagian para sahabat menggunakan teknik hafalan dengan memperdengarkan hafalan mereka kepada sahabat melalui pelbagai kaedah antaranya ialah tasmi' dan talaqqi.

Ilmu hadis pula adalah suatu ilmu yang membantu para ilmuan dalam menentukan sesuatu hukum yang tepat berdasarkan rujukan hadis yang sahih. Menurut Halim, et al. (2020), ilmu hadis adalah ilmu yang dipelajari oleh pelajar-pelajar pengajian Islam di peringkat rendah hingga ke peringkat lebih tinggi seperti universiti. Menurut Muhammad Abu al-Layth (2011) menjelaskan bahawa ilmu hadis adalah ilmu yang membahaskan setiap aspek dari ilmu hadis sama ada dari sudut riwayat dan dirayah. antara contoh ilmu hadis ialah ilmu hadis mustalah, ilmu takhrij dan lain lain.

### **Konsep Akhlak Menurut Perspektif Islam**

Menurut Hidayatun, et. al, (2023) bahawa perkataan akhlak adalah berasal daripada bahasa arab iaitu "akhlaq". Ia merupakan kata jamak bagi perkataan "khuluq". Perkataan ini membawa maksud budi pekerti, perangai, tabiat serta tingkah laku. Menurut kamus dewan (2005), akhlak adalah berasal daripada kata jamak iaitu khuluk. Ia membawa maksud kelakuan, tabiat dan pekerti. Justeru itu, Islam sangat menitikberatkan akhlak dalam setiap aspek ajaran agama yang mempunyai kaitan rapat dengan pembentukan akhlak yang mulia (Hasbullah et.al, 2020).

Pembahagian akhlak dapat dikategorikan kepada dua jenis iaitu akhlak mahmudah yang lebih dikenali sebagai akhlak yang terpuji dan kedua pula adalah akhlak mazmumah bermaksud akhlak yang keji. Yoke dan Ahmad Hifdzil (2015) menyatakan bahawa sekiranya seseorang itu mempunyai akhlak mulia berpandukan al-Quran dan hadis maka ia tergolong dalam golongan yang baik dan begitu juga sebaliknya. Jika tidak mengikut panduan al-Quran dan hadis maka ia tergolong dalam golongan yang dalam keburukan.

Terdapat ayat-ayat al-Quran yang menggariskan bahawa hadis merupakan aspek penting dan wajib ditaati sebagaimana umat Islam mentaati ajaran al-Quran (Mustafa, 2018). Oleh itu, umat Islam wajib mengikuti ajaran al-Quran dan hadis tanpa menentang, membelakangi serta meninggalkannya sehingga hari kiamat. Menurut Nasir & Abdul Said, (2018); Nor Hanim, et al., (2015) mengatakan bahawa pembentukan nilai dan kecemerlangan individu yang berteraskan kesucian hati merupakan aspek yang penting untuk mencapai kejayaan.

Pembentukan sahsiah unggul adalah suatu inisiatif untuk membentuk akhlak serta sahsiah yang baik dalam kalangan mahasiswa. Ia merupakan elemen yang penting untuk mencapai suatu kejayaan. Menurut Mohd Firdaus (2015), nilai merupakan asas kepada pembentukan sifat-sifat mulia, peradaban dan ketamadunan yang harus dimiliki oleh setiap manusia. Justeru, ia dapat mewujudkan hubungan yang murni sesama manusia, alam semesta dan Maha Pencipta yakni Allah S.W.T.

Menurut Ahmad, et. al, (2023); Mohd Nason, A., dan Mohd Shukri Hanapi (2019) menyatakan bahawa pembentukan sahsiah dalam diri seorang pelajar adalah melalui pendidikan. Pendidikan yang dimaksudkan adalah pendidikan secara formal dan tidak formal. Antara impak yang ketara adalah perubahan sudut kaedah, cara dan juga pendekatan pengajaran yang perlu diambil oleh guru-guru. Kewujudan pendidikan sedikit sebanyak dapat mempengaruhi pembentukan sahsiah pelajar. Oleh itu, setiap pelajar perlu mendapatkan pendidikan yang lengkap untuk membentuk sahsiah yang baik dalam diri. Justeru, kajian ini memfokuskan pembelajaran ilmu hadis dapat membantu melahirkan individu yang cemerlang dari segi sahsiah dan tingkah laku.


## **METODOLOGI**

Kajian ini merupakan kajian yang menggunakan reka bentuk kualitatif. Data-data kajian dikumpulkan melalui kaedah temu bual secara semi struktur. Temu bual yang dilaksanakan adalah secara bersemuka. Informan kajian pula terdiri daripada mahasiswa Universiti Selangor yang telah mengambil subjek ilmu hadis. Peserta kajian adalah merupakan pelajar pengajian Islam di Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial. Ia melibatkan 3 orang informan sahaja. Mereka ditemu bual mengikut waktu yang ditetapkan dan diberikan soalan-soalan yang menjawab objektif kajian ini.

Proses temu bual yang dilaksanakan mengambil masa selama 10 minit bagi setiap informan. Data-data yang diperolehi melalui sesi temu bual dirakam seterusnya dianalisis secara analisis deskriptif. Walaubagaimanapun, data-data yang diperolehi melalui proses rakaman disalin dalam bentuk transkripsi langsung. Hal ini kerana untuk memudahkan pengkaji melaksanakan proses analisis data. Dan akhir sekali, data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Instrumen kajian yang terlibat adalah perisian atlas.ti. Transkrip temu bual dianalisis mengikut tema dan kategori yang telah digariskan pada objektif kajian.


Menurut Pudis, et al menyatakan bahawa pengumpulan data sekunder adalah data kedua selepas data primer. Data ini digunakan adalah untuk mendapatkan data tambahan yang boleh digunakan untuk kajian ini. Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan. Ini membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat daripada kajian lepas. Ini adalah untuk mengelakkan berlakunya kesilapan serta mendapat pengalaman hasil daripada kajian yang lepas. Sebagai contoh mencari artikel, jurnal serta mencari maklumat di laman web jurnal akademik sebagai rujukan tambahan. Ini memudahkan pengkaji untuk mendapat maklumat yang betul dan sahih daripada kajian-kajian lepas.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN



**Rajah 1:** Maklumat Informan Menggunakan Perisian Atlas.Ti 9

Kajian ini melibatkan 3 orang mahasiswa dan mahasiswi IPTS yang telah mengambil subjek hadis sewaktu menjalani pengajian di IPTS. Informan terdiri daripada perempuan. Kebanyakan pelajar adalah terdiri daripada pelajar tahun akhir universiti tersebut dan berumur sekitar 22 tahun. Mereka juga adalah diantara pelajar yang terlibat dalam pembelajaran hadis sewaktu melaksanakan pengajian. Pandangan serta pendapat mereka direkodkan untuk tujuan penambahbaikan kajian.



**Rajah 2:** Analisis Tematik Dapatan Temu Bual Menggunakan Perisian Atlas.ti

Rajah 1 menunjukkan bahawa hasil dapatan temu bual tiga orang informan. Melalui dapatan kajian tersebut, pengkaji telah mengkategorikan kepada tiga tema iaitu pemahaman

pelajar, faktor mempengaruhi akhlak mahasiswa dan juga konsep pembentukan akhlak. Bagi tema pertama pengkaji membahagikan kepada dua sub tema iaitu panduan hidup dan pengaruh positif. Bagi tema kedua pula pengkaji membahagikan kepada satu sub tema nilai-nilai baik. Diikuti tema ketiga pula ialah terdiri daripada tiga sub tema iaitu proses pengembangan diri, pemikiran pelajar dan juga keperibadian diri. Berdasarkan tiga tema tersebut menunjukkan tema ketiga mempunyai sub tema paling majoriti berbanding dua tema yang lain.

**Jadual 1:** Senarai Soalan Soal Temu Bual

S1	<i><b>Pada pendapat anda, adakah dengan adanya pengetahuan berkaitan hadis dapat mengubah pembentukkan akhlak dalam kalangan mahasiswa.</b></i>
R1	Ya, pengetahuan tentang hadis dapat mempengaruhi pembentukan akhlak mahasiswa dengan <u>membawa pengaruh positif</u> . Hadis adalah ajaran dan tindakan Nabi Muhammad SAW yang mengandungi nilai-nilai moral dan etika, dan pemahaman yang mendalam terhadap hadis dapat membimbing mahasiswa dalam mengamalkan prinsip-prinsip etika dan perilaku yang baik dalam kehidupan sehari-hari.
R2	Ya, pengetahuan hadis perlu ada sebab ia merupakan sumber kedua kepada umat islam. Pelbagai sahsiah atau akhlak yang perlu dicontohi didalam hadis. Contohnya, terdapat banyak hadis hadis sahih yang menceritakan tentang akhlak akhlak yang baik yang perlu dicontohi daripada baginda nabi muhammad saw seperti larangan berkata-kata perkara yang kosong dan tidak baik
R3	Ya , ia dapat mempengaruhi pembentukan akhlak dalam kalangan pelajar. Bukan dalam kalangan pelajar saja bahkan dalam masyarakat. Sebab manusia ini memerlukan sesuatu sebagai <u>panduan hidup</u> . Hadis sama seperti al-Quran untuk merujuk panduan hidup. Hadis adalah cara untuk bimbing manusia kearah yang lebih baik terutamanya dalam kalangan mahasiswa

Terdapat pelbagai pendapat yang terhasil daripada analisis data yang dilakukan oleh pengkaji. Pemahaman pelajar adalah berdasarkan pemahaman mereka tentang kelebihan mempelajari hadis mampu untuk mengubah sahsiah akhlak mahasiswa. Antara subtema berkaitan kefahaman pelajar tentang hadis yang telah dapat dikenalpasti oleh pengkaji daripada informan adalah panduan hidup dan pengaruh positif.

### ***Panduan Hidup***

Hadis merupakan suatu panduan hidup yang perlu diikuti selepas Al-Quran. Ini adalah selaras dengan kenyataan Ahmad Kilani et al., (2012) menjelaskan bahawa Al-Quran merupakan suatu sumber yang tepat, benar dan sahih. Segala kandungan yang terdapat di dalamnya tidak boleh diragui. Hal ini kerana, terdapat banyak bukti yang mengatakan bahawa dengan mempelajari dan mendalami ilmu Al-Quran melahirkan ramai muslim yang berjaya dan cemerlang dari pelbagai aspek.

Pernyataan ini dinyatakan oleh informan 3. Sebagai contoh kenyataan informan 3 adalah “*pengetahuan hadis perlu ada sebab ia merupakan sumber kedua kepada umat islam. Pelbagai sahsiah atau akhlak yang perlu dicontohi didalam hadis.*” Berdasarkan beberapa pandangan informan, pembelajaran hadis sangat penting untuk pembentukkan akhlak setiap mahasiswa kerana ia merupakan sumber kedua selepas Al-Quran dan boleh dijadikan sebagai panduan hidup.

### ***Pengaruh Positif***

Selain itu, terdapat juga informan yang menyatakan bahawa hadis membawa pengaruh positif sehingga mampu mengubah pembentukan akhlak dalam kalangan mahasiswa. Ini selaras dengan pernyataan Amir, A. N., & Rahman, T. A. (2023), Al-Quran dan hadis mempunyai hujah-hujah serta dalil-dalil yang sahih dan kukuh terhadap pembelajaran akhlak dan moral dalam diri seseorang. Oleh itu, setiap pentafsir perlu meneliti dengan baik isi kandungan yang terdapat dalam Al-Quran dan hadis kerana dapat membantu permasalahan yang berlaku pada masa kini. Sebagai contoh, membantu dari segi keperluan dan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat pada masa kini.

Pernyataan ini dinyatakan oleh informan 1. Sebagai contoh kenyataan informan 1 adalah *“pengetahuan tentang hadis dapat mempengaruhi pembentukan akhlak mahasiswa dengan membawa pengaruh positif. Hadis adalah ajaran dan tindakan Nabi Muhammad SAW yang mengandungi nilai-nilai moral dan etika, dan pemahaman yang mendalam terhadap hadis dapat membimbing mahasiswa dalam mengamalkan prinsip-prinsip etika dan perilaku yang baik dalam kehidupan sehari-hari.* Berdasarkan pandangan informan, pembelajaran hadis sangat penting untuk pembentukan akhlak setiap mahasiswa kerana ia memberi pengaruh positif terutamanya kepada mahasiswa.

**Jadual 2:** Senarai Soalan Temu Bual

S2	<b><i>Apakah kefahaman anda tentang pembentukan sahsiah unggul dalam kalangan mahasiswa Universiti Selangor?</i></b>
R1	Pembentukan sahsiah unggul dalam kalangan mahasiswa Universiti Selangor melibatkan proses mengembangkan kualiti diri yang mempunyai nilai-nilai yang tinggi, seperti integriti, etika dan kepimpinan. Ini melibatkan pengalaman pembelajaran di dalam dan luar bilik darjah yang membina kematangan emosi, intelek, dan spiritual mahasiswa. Di Universiti Selangor atau mana-mana institusi pendidikan tinggi, kaedah seperti pengajaran berpusatkan nilai, penyertaan dalam aktiviti kokurikulum, khidmat masyarakat, bimbingan akademik, dan program pembangunan diri adalah penting dalam membentuk sahsiah unggul. Selain itu, sokongan daripada pensyarah dan mentor juga turut memainkan peranan penting dalam proses ini.
R2	Konsep pembentukan sahsiah unggul lebih kepada pemikiran pelajar. Kalau pemikiran mereka positif atau mindset memberi kesedaran jadi tingkah laku akan terdorong mereka melakukan sahsiah yang baik.
R3	Konsep pembentukan sahsiah unggul dalam kalangan pelajar adalah corak keperibadian kita sendiri seperti akhlak, personaliti, sikap kita terhadap masyarakat yang lain. Jadi akhlak dibentuk untuk menjadikan para pelajar jadi lebih baik terhadap diri sendiri dan orang lain.

Terdapat pelbagai pendapat yang terhasil daripada analisis data yang dilakukan oleh pengkaji. Pemahaman pelajar adalah berdasarkan pemahaman mereka tentang konsep pembentukan sahsiah unggul dalam kalangan mahasiswa Universiti Selangor. Antara subtema berkaitan konsep pembentukan akhlak yang telah dikenalpasti oleh pengkaji daripada informan adalah proses pengembangan diri, pemikiran pelajar serta keperibadian diri.

### ***Proses Pengembangan Diri***

Konsep pembentukan akhlak merupakan proses pengembangan kualiti diri pada seorang mahasiswa yang melibatkan nilai-nilai yang baik hasil daripada pembelajaran. Ini adalah selaras dengan Wan Ahmad Zakry (2015), menyatakan bahawa pembentukan sahsiah dalam diri seorang pelajar adalah melalui pendidikan. Pendidikan yang dimaksudkan adalah pendidikan secara formal dan tidak formal. Kewujudan pendidikan boleh mempengaruhi pembentukan sahsiah pelajar. Oleh itu, setiap pelajar perlu mendapatkan pendidikan yang lengkap untuk membentuk sahsiah yang baik dalam diri.

Pernyataan ini dinyatakan oleh informan 1. Sebagai contoh kenyataan informan 1 adalah “*Pembentukan sahsiah unggul dalam kalangan mahasiswa Universiti Selangor melibatkan proses mengembangkan kualiti diri yang mempunyai nilai-nilai yang tinggi, seperti integriti, etika dan kepimpinan. Ini melibatkan pengalaman pembelajaran di dalam dan luar bilik darjah yang membina kematangan emosi, intelek, dan spiritual mahasiswa. Di Universiti Selangor atau mana-mana institusi pendidikan tinggi, kaedah seperti pengajaran berpusatkan nilai, penyertaan dalam aktiviti kokurikulum, khidmat masyarakat, bimbingan akademik, dan program pembangunan diri adalah penting dalam membentuk sahsiah unggul.*” Berdasarkan pandangan informan tersebut, konsep pembentukan akhlak dalam kalangan mahasiswa adalah melalui proses pembelajaran secara langsung atau tidak langsung. Dengan ini, ia menjadikan pelajar mampu untuk mengembangkan kualiti diri dan menerapkan nilai-nilai yang baik.

### ***Pemikiran Pelajar***

Konsep pembentukan akhlak merupakan apa yang berlaku pada diri seseorang adalah berdasarkan pemikiran. Perkara ini ditekankan oleh informan 2. Sebagai contoh kenyataan informan 2 adalah “*Konsep pembentukan sahsiah unggul lebih kepada pemikiran pelajar. Kalau pemikiran mereka positif atau mindset memberi kesedaran jadi tingkah laku akan terdorong mereka melakukan sahsiah yang baik.*” Berdasarkan pandangan informan tersebut, konsep pembentukan akhlak dalam kalangan mahasiswa adalah berdasarkan pemikiran mereka sendiri. Yang mana setiap perkara yang dilakukan adalah berdasarkan niat yang wujud pada diri seseorang itu.

### ***Keperibadian Diri***

Konsep pembentukan akhlak merupakan keperibadian diri. Ini adalah selaras dengan Zurali, Noraznida Bt. (2022) yang menjelaskan setiap tingkah laku manusia mencerminkan peribadi mereka sama ada menunjukkan sahsiah yang baik atau sebaliknya. Oleh itu, setiap individu perlu memiliki akhlak yang baik dalam melaksanakan sesuatu perkara. Untuk memiliki akhlak dan sahsiah yang baik seseorang perlu hidup berlandaskan Al-Quran dan Hadis. Pernyataan ini dinyatakan oleh informan 3. Sebagai contoh kenyataan informan 3 adalah “*Konsep pembentukan sahsiah unggul dalam kalangan pelajar adalah corak keperibadian kita sendiri seperti akhlak, personaliti, sikap kita terhadap masyarakat yang lain. Jadi akhlak dibentuk untuk menjadikan para pelajar jadi lebih baik terhadap diri sendiri dan orang lain.*”

**Jadual 3:** Senarai Soalan Soal Temu Bual

S3	<i>Apakah sebab pembelajaran hadis mempengaruhi pembentukan sahsiah unggul dalam kalangan mahasiswa Universiti Selangor?</i>
----	--



R1	.Pembelajaran hadis mempengaruhi pembentukan sahsiah unggul dalam kalangan mahasiswa Universiti Selangor kerana hadis mengandungi ajaran-ajaran moral, etika, dan prinsip-prinsip kehidupan yang dapat membimbing mahasiswa untuk memupuk nilai-nilai positif dan mengamalkannya dalam kehidupan sehari-hari. Beberapa faktor yang menjadikan pembelajaran hadis berperanan penting dalam membentuk sahsiah unggul termasuk moral dan etika. Contohnya, jika hadis mengandungi ajaran-ajaran etika dan moral yang mendalam akan membantu mahasiswa memahami nilai-nilai seperti kejujuran, kesederhanaan, keadilan, dan kebenaran. Oleh itu akan membentuk asas sahsiah unggul kepada mahasiswa.
R2	Pembelajaran hadis dapat mempengaruhi disebabkan wujudnya nilai nilai islam. Dengan itu, islam mengajar umatnya atau mahasiswa membentuk peribadi yang tidak mencemarkan imej islam
R3	Terdapat nilai-nilai yang baik di dalam hadis. Contohnya, Hadis menyuruh kita berkelakuan baik kepada orang lain. Ada sesetengah hadis menyuruh kita berkelakuan baik kepada orang lain, mempunyai personaliti yang baik. Walaupun orang tidak buat baik dengan kita, kita kena buat baik

Terdapat pelbagai pendapat yang terhasil daripada analisis data yang telah dilakukan oleh pengkaji. Pemahaman pelajar adalah berdasarkan pemahaman mereka tentang sebab pembelajaran hadis mampu mempengaruhi pembentukan sahsiah unggul dalam kalangan mahasiswa Universiti Selangor. Antara subtema berkaitan kefahaman pelajar tentang sebab hadis perlu dipelajari adalah nilai-nilai yang baik

### ***Nilai-Nilai Baik***

Hadis merupakan panduan untuk umat Islam yang mengandungi nilai-nilai baik merangkumi ajaran Rasulullah SAW. Ini adalah selaras dengan pernyataan menurut Amir, A. N., & Rahman, T. A. (2023) bahawa setiap perkataan yang diturunkan oleh Allah SWT adalah melalui Al-Quran manakala hadis pula adalah suatu bentuk perintah di dalam Al-Quran. Di dalam hadis pula merangkumi ajaran daripada Nabi SAW untuk diamalkan dalam kehidupan umat. Dengan kewujudan hadis membolehkan seorang individu mengetahui peribadi kehidupan Nabi SAW serta pengetahuan, nilai, martabat melalui pembelajaran hadis.

Terdapat informan yang menyatakan bahawa hadis mempunyai ajaran-ajaran seperti moral, etika, prinsip-prinsip kehidupan dan seumpamanya. Dengan ini ia mampu membimbing mahasiswa mengamalkan nilai-nilai positif dalam diri. Berikut adalah kenyataan yang diberikan oleh informan 1 *“pembelajaran hadis mempengaruhi pembentukan sahsiah unggul dalam kalangan mahasiswa Universiti Selangor kerana hadis mengandungi ajaran-ajaran moral, etika, dan prinsip-prinsip kehidupan yang dapat membimbing mahasiswa untuk memupuk nilai-nilai positif dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Beberapa faktor yang menjadikan pembelajaran hadis berperanan penting dalam membentuk sahsiah unggul termasuk moral dan etika. Contohnya, jika hadis mengandungi ajaran-ajaran etika dan moral yang mendalam akan membantu mahasiswa memahami nilai-nilai seperti kejujuran, kesederhanaan, keadilan dan kebenaran. Oleh itu, ia akan membentuk asas sahsiah unggul kepada mahasiswa.”*

Informan 2 dan informan 3 juga turut mempunyai pandangan yang sama iaitu pembelajaran hadis mempunyai nilai-nilai yang mampu membentuk mahasiswa yang berperibadi dan sahsiah baik. Kenyataan beliau adalah “*Pembelajaran hadis dapat mempengaruhi disebabkan wujudnya nilai nilai islam. Dengan itu, islam mengajar umatnya atau mahasiswa membentuk peribadi yang tidak mencemarkan imej islam.*” manakakala, kenyataan yang dikeluarkan oleh informan 3 adalah “*Terdapat nilai-nilai yang baik di dalam hadis. Contohnya, Hadis menyuruh kita berkelakuan baik kepada orang lain. Ada sesetengah hadis menyuruh kita berkelakuan baik kepada orang lain, mempunyai personaliti yang baik. Walaupun orang tidak buat baik dengan kita, kita kena buat baik.*”

**Jadual 4:** Senarai Soalan Soal Temu Bual

S4	<b><i>Berikan cara terbaik untuk mahasiswa Universiti Selangor bersifat berperibadi sahsiah unggul melalui pembelajaran hadis?</i></b>
R1	Pada pandangan saya, cara terbaik untuk mahasiswa bersifat peribadi baik melalui pembelajaran hadis adalah dengan cara sentiasa mendalami dan menghayati berkaitan dengan hadis. Dengan ini mahasiswa akan mengetahui kebaikan yang terkandung dalam hadis.
R2	Pembelajaran hadis lebih kepada cara atau budaya islam yang sebenar. Maka pentingnya setiap mahasiswa mengambil pengetahuan yang mendalam berkaitan dengan peribadi atau sahsiah. Ini disebabkan banyak contoh akhlak rasulullah diceritakan dalam hadis.
R3	Banyak hadis berkaitan dengan akidah, akhlak, tauhid. Kalau bercerita tentang keperibadian dia memfokuskan kepada akhlak. Jadi dengan ada hadis tentang akhlak maka akan membentuk keperibadian mahasiswa itu sendiri.

Terdapat pelbagai pendapat yang terhasil dari analisis data yang dilakukan oleh pengkaji. Pemahaman pelajar adalah berdasarkan pemahaman mereka tentang cara terbaik untuk mahasiswa Universiti Selangor bersifat berperibadi sahsiah unggul melalui pembelajaran hadis. Antara subtema berkaitan kefahaman pelajar tentang cara yang telah dapat dikenalpasti oleh pengkaji daripada informan adalah tadabbur dan penelitian.

### ***Tadabbur***

Hasil analisis data, pengkaji mendapati sebilangan informan mencadangkan cara untuk menjadikan mahasiswa Universiti Selangor bersifat berperibadi sahsiah unggul melalui pembelajaran hadis adalah dengan mentadabbur. Tadabbur yang dimaksudkan adalah dengan mendalami sesuatu hadis. Dengan ini dapat mengetahui kebaikan serta faedah yang akan diperolehi daripada pembelajaran hadis. Menurut informan 1 “*Pada pandangan saya, cara terbaik untuk mahasiswa bersifat peribadi baik melalui pembelajaran hadis adalah dengan cara sentiasa mendalami dan menghayati berkaitan dengan hadis. Dengan ini mahasiswa akan mengetahui kebaikan yang terkandung dalam hadis*”. Manakala informan 2 juga turut menyatakan hal yang sama iaitu “*Pembelajaran hadis lebih kepada cara atau budaya islam yang sebenar. Maka pentingnya setiap mahasiswa mengambil pengetahuan yang mendalam berkaitan dengan peribadi atau sahsiah. Ini disebabkan banyak contoh akhlak rasulullah diceritakan dalam hadis.*” Kesimpulannya, antara cara untuk mengetahui kebaikan sesuatu

perkara adalah dengan sentiasa mendalami dan menghayati ilmu yang dipelajari. Dengan ini terjawab segala persoalan yang diinginkan.

### ***Penelitian***

Hadis merupakan panduan untuk masyarakat menyelesaikan sesuatu masalah. Ini selaras dengan kenyataan Amir, A. N., & Rahman, T. A. (2023), Al-Quran dan hadis mempunyai hujah-hujah serta dalil-dalil yang sahih dan kukuh terhadap pembelajaran akhlak dan moral dalam diri seseorang. Oleh itu, setiap pentafsir perlu meneliti dengan baik isi kandungan yang terdapat dalam Al-Quran dan hadis kerana dapat membantu permasalahan yang berlaku pada masa kini. Sebagai contoh, membantu dari segi keperluan dan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat pada masa kini.

Informan 3 menyatakan bahawa antara cara terbaik untuk mahasiswa Universiti Selangor bersifat berperibadi sahsiah unggul melalui pembelajaran hadis adalah dengan melaksanakan penelitian. Seperti yang diketahui tajuk dalam setiap hadis adalah berlainan. Sebagai contoh, hadis berkaitan akidah, akhlak dan lain-lain. Dengan adanya penelitian yang baik mampu membimbing mahasiswa mengetahui kebaikan setiap hadis. Berikut adalah kenyataan yang diberikan oleh informan 3 *“Banyak hadis berkaitan dengan akidah, akhlak, tauhid. Kalau bercerita tentang keperibadian dia memfokuskan kepada akhlak. Jadi dengan ada hadis tentang akhlak maka akan membentuk keperibadian mahasiswa itu sendiri”*.

**Jadual 5:** Senarai Soalan Soal Temu Bual

S5	<i>Apakah langkah2 yang boleh diambil untuk memastikan mahasiswa mengambil berat tentang pembelajaran hadis.</i>
R1	Untuk memastikan mahasiswa mengambil berat tentang pembelajaran hadis adalah dengan melaksanakan pendedahan dan kesedaran kepada mahasiswa. Contohnya, mengadakan program pendedahan awal tentang pentingnya hadis dalam Islam dan bagaimana ia mempengaruhi kehidupan seharian.
R2	Untuk memastikan mahasiswa mengambil berat tentang pembelajaran hadis adalah dengan melaksanakan bacaan hadis di masjid atau surau. Sebagai contoh, imam membaca hadis untuk jemaah dan galakkan untuk mahasiswa mempunyai kitab hadis untuk bacaan harian. samaada lepas subuh bergantung masa yang sesuai.
R3	Cara untuk memastikan mahasiswa mengambil berat tentang pembelajaran hadis adalah kita kena terapkan dengan membaca hadis-hadis dari Nabi Muhammad SAW. Contoh, bacaan hadis boleh dilakukan selepas membaca Al-Quran.

Terdapat pelbagai pendapat yang terhasil dari analisis data yang dilakukan oleh pengkaji. Pemahaman pelajar adalah berdasarkan pendapat mereka tentang langkah-langkah yang boleh diambil untuk memastikan mahasiswa mengambil berat tentang hadis. Antara subtema berkaitan langkah-langkah yang telah dapat dikenalpasti oleh pengkaji daripada informan adalah melaksanakan program kesedaran dan galakan kekerapan membaca hadis.

### ***Program Kesedaran***

Melalui hasil analisis, pengkaji mendapati informan mengakui bahawa program kesedaran merupakan jalan terbaik untuk memastikan mahasiswa mengambil berat tentang hadis. Ini kerana, dapat membuka minda mahasiswa tentang kebaikan hadis serta faedah jika diamalkan dengan baik. Sebagai contoh, melaksanakan seminar, ceramah dan lain lain. Pernyataan ini dinyatakan oleh informan 1. Sebagai contoh kenyataan informan adalah *“Untuk memastikan mahasiswa mengambil berat tentang pembelajaran hadis adalah dengan melaksanakan pendedahan dan kesedaran kepada mahasiswa. Contohnya, mengadakan program pendedahan awal tentang pentingnya hadis dalam Islam dan bagaimana ia mempengaruhi kehidupan seharian.”*

### ***Galakan Membaca Hadis***

Selain daripada melaksanakan program kesedaran, pengkaji juga mendapati terdapat informan yang menyatakan bahawa langkah terbaik untuk memastikan mahasiswa mengambil berat tentang hadis adalah dengan galakan membaca hadis. Pernyataan ini dinyatakan oleh informan 2. Sebagai contoh kenyataan informan 2 adalah *“Untuk memastikan mahasiswa mengambil berat tentang pembelajaran hadis adalah dengan melaksanakan bacaan hadis di masjid atau surau. Sebagai contoh, imam membaca hadis untuk jemaah dan galakkan untuk mahasiswa mempunyai kitab hadis untuk bacaan harian. samaada lepas subuh bergantung masa yang sesuai”*. Perkara yang sama juga dinyatakan oleh informan 3 iaitu *“Cara untuk memastikan mahasiswa mengambil berat tentang pembelajaran hadis adalah kita kena terapkan dengan membaca hadis-hadis dari Nabi Muhammad SAW. Contoh, bacaan hadis boleh dilakukan selepas membaca Al-Quran”*. Berdasarkan beberapa pandangan informan, galakan membaca hadis sangat penting untuk membiasakan mahasiswa dengan hadis serta mengetahui kebaikan dan ganjaran jika diamalkan dengan baik dan boleh dijadikan sebagai panduan hidup.

## **PERBINCANGAN**

Penemuan kajian ini mendedahkan gambaran perspektif pelajar mengenai pembelajaran hadis. Sebanyak 5 tema telah ditemui, iaitu kefahaman pelajar, konsep pembentukan akhlak, sebab-sebab akhlak mempengaruhi akhlak sahsiah mahasiswa, penerapan pembelajaran hadis sebagai elemen penting dan langkah-langkah untuk memastikan mahasiswa mengambil berat tentang hadis. Selepas para peserta berkongsi perspektif mereka, setiap tema yang timbul mempunyai sub tema yang telah ditetapkan.

Dalam kajian ini, kebanyakan kefahaman pelajar berkaitan pembelajaran hadis adalah sebagai panduan hidup. Ini adalah selaras dengan penemuan kajian lepas di mana menurut menjelaskan bahawa jika seseorang itu tidak meletakkan Al-Quran dan Al-Sunnah sebagai panduan hidup maka menjejaskan sahsiah serta sikap terhadap diri. Para peserta kajian juga percaya bahawa dengan mempelajari hadis adalah sangat penting kerana membawa pengaruh positif kepada setiap masyarakat.

Seterusnya, dalam kajian ini, proses pengembangan diri, pemikiran pelajar dan keperibadian diri antara konsep pembentukan akhlak dalam kalangan mahasiswa. Setiap informan memiliki jawapan yang berbeza berkaitan dengan konsep pembentukan akhlak dalam kalangan mahasiswa. Akan tetapi, jika dilihat mengikut jawapan informan mereka berpendapat pembentukan akhlak dalam kalangan mahasiswa adalah berdasarkan peribadi mereka sendiri. Jika mereka mempunyai niat untuk melakukan sesuatu maka ia mempengaruhi sikap dan tingkah laku yang mereka lakukan.

Melalui kajian ini juga, dapat dilihat sebab pembelajaran hadis mempengaruhi pembentukan sahsiah unggul dalam kalangan mahasiswa Universiti Selangor adalah kerana hadis mengandungi nilai-nilai yang baik. Para peserta kajian percaya bahawa setiap hadis mempunyai kebaikan serta faedah yang boleh diikuti dan diteladani.

Melalui kajian ini juga, dapat dilihat cara terbaik untuk mahasiswa bersifat berperibadi sahsiah unggul melalui pembelajaran hadis adalah melalui proses tadabbur dan penelitian. Oleh itu, setiap mahasiswa digalakkan untuk melaksanakan pembelajaran hadis melalui proses tadabbur dan penelitian yang mendalam. Dengan ini dapat membantu mewujudkan tingkah laku serta sahsiah yang baik dalam kalangan pelajar ia disebabkan mempunyai pengetahuan yang mendalam berkaitan sesuatu hadis.

Dan akhir sekali, penemuan dalam kajian ini dapat membantu mahasiswa mengambil berat tentang pembelajaran hadis melalui pelaksanaan program kesedaran dan galakan membaca hadis. Kajian ini dipercayai dapat menyumbang kepada kesedaran pelajar untuk mengambil berat tentang hadis kerana banyak faedah jika sesuatu hadis itu diamalkan.

## **KESIMPULAN**

Penemuan kajian ini mendedahkan gambaran perspektif pelajar mengenai pembelajaran hadis. Sebanyak 5 tema telah ditemui, iaitu kefahaman pelajar, konsep pembentukan akhlak, sebab-sebab akhlak mempengaruhi akhlak sahsiah mahasiswa, penerapan pembelajaran hadis sebagai elemen penting dan langkah-langkah untuk memastikan mahasiswa mengambil berat tentang hadis. Selepas para peserta berkongsi perspektif mereka, setiap tema yang timbul mempunyai sub tema yang telah ditetapkan. Kesimpulannya, pembelajaran hadis merupakan sesuatu yang penting untuk membina akhlak mahmudah dan akhlak mulia dalam generasi muda. Usaha ini juga adalah tunggak kekuatan masyarakat dan negara. Oleh itu, setiap individu wajib mempelajari ilmu hadis bagi membentuk akhlak mulia dan berusaha mencegah dan memerangi apa sahaja gejala kerosakan akhlak dalam masyarakat. Jika perkara ini diabaikan, tentu seseorang itu dalam kerugian dan mendapat kehinaan, baik dalam masyarakat, mahupun negara, di dunia dan di akhirat. Pendidikan dan kefahaman tentang hadis haruslah ditanam di dalam diri seseorang Muslim kerana tanpa panduan bimbingan dan didikan tentang hadis yang sempurna seseorang muslim itu hidup dalam kecelaruan dan kejahilan serta mudah terjebak dengan sifat-sifat mazmumah

## RUJUKAN

- Ahmad, M. A., & Anjur, N. (2023). Pengetahuan dan pemahaman mahasiswa diploma Tahfiz Wa Al Qiraat Institut Tahfiz Al Quran Negeri Sembilan (ITQAN) mengenai asas ilmu hadis. *Journal on Technical and Vocational Education*, 8(1), 201-211.
- Al-Ghouri, S. (2017). *Al-Manhaj Al-Mufid Li Ttolbi 'ilm Al-Hadtih*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Amir, A. N., & Rahman, T. A. (2023). Islamization of knowledge in historical perspective. *Al-Insyiroh: Jurnal Studi Keislaman*, 9(1), 26-50. <https://doi.org/10.35309/alinsyiroh.v9i1.6337>
- Anwar, L. (2020). Penulisan hadis pada masa Rasulullah SAW. *Al-Bayan: Jurnal Ilmu al-Qur'an dan Hadist*, 3(2), 131-156. <https://doi.org/10.35132/albayan.v4i2.88>
- Che Yaacob, M. F. (2015). *Seuntai nilai-nilai murni dalam himpunan 366 cerita rakyat di Malaysia*. [Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia]. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/56962/1/FBMK%202015%2017RR.pdf>
- Daud, H. M., Yussuf, A., & Kadir, F. A. A. (2020). Pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar melalui pembelajaran sosial menurut perspektif Islam. *e-Bangi; Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 17(9), 75-89. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/issue/view/1359>
- Elia, N. H., Selamah M & Ahmad Bashir A (2015). Konsep, isu, cabaran dan kecerdasan spiritual belia. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 1(2), 89-98. [http://gbse.my/isi16/GBSE%201\(2\),%2089-98\(2015\).pdf](http://gbse.my/isi16/GBSE%201(2),%2089-98(2015).pdf)
- Halim, A. A., Salaeh, A., Said, W. M., Hassan, S. N. S., Zakaria, N., Amin, M. F. M., & Sobali, A. M. (2020). *Pemahaman hadith dalam kalangan masyarakat di malaysia: kajian dalam media sosial di Malaysia*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Halim, A. A., Salaeh, A., Yabi, S., Anas, N., Yahya, M. A., Hoqu, M., & Raus, N. M. (2020). Aplikasi pengajian hadith dalam kalangan masyarakat malaysia tumpuan terhadap pembelajaran murid sekolah kebangsaan. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs (JQSS)*, 4(2), 76-91. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol4no2.84>
- Hanafiah, M. N. A. H. M., & Yaacob, M. F. B. C. (2020). Nilai-nilai Islam dan pembentukan akhlak dalam cerita rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 10(2), 48-56. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v10.4369>
- Hidayatun, N., & Simatupang, R. F. (2023). Penerapan adab-adab akhlak pada zaman Rasulullah. *Journal of Creative Student Research*, 1(2), 33-41. <https://doi.org/10.55606/jcsrpolitama.v1i2.1054>
- Ibn 'Arif, A. A. H. (1997) *Nasaih manhajiyah li talib 'ilm alsunnah al nabawiyah*. Mekah: Dar 'Alam Al Fawaid.
- Jurami, S. K. & Md. Sham, F. (2013). Pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar politeknik ungu omar, Ipoh. *Islamiyyat*, 35(1), 29-38. <https://core.ac.uk/download/pdf/19508552.pdf>

- Mat Daud, H., Yussuf, A. & Abdul Kadir, F. A. (2020). Pembentukan akhlak dan sahsiah pelajar melalui pembelajaran sosial menurut perspektif Islam. *e-Bangi: Journal of Sciences and Humanities*, 19(9). 75-89. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/44628>
- Md Saad, A. J., Tamuri, A. H. & Ismail, A. (2012). Pembelajaran aktif dalam pengajaran dan pembelajaran berkesan pendidikan islam. In *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Islam* (p. 1–22).
- Mohamed, A. K., Muhamad, S. N. & Hashim, N. (2012). Pendidikan al Quran ke arah pembangunan insan rabbani. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan & Pendidikan Islam. 8-9 March 2012*. (p. 15) Le Grandeur Hotel, Senai, Johor Darul Takzim.
- Salim, N. A., Hamzah, M. I., & Lubis, M. A. (2017). Konsep islamisasi ilmu dan penerapan pendidikan. In Maimun Aqsha Lubis, Mohd Fuad Othman & Hidayat Shafie (Eds.), *Integrasi Ilmu Keunggulan Pendidikan Islam* (p. 44-58). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Nasir, R., & Abdul Said, A. (2018). The influence of emotional and spiritual intelligence on the high school student outcomes. *Journal of Education & Social Policy*, 5(1) 211 - 220. [https://www.jespnet.com/journals/Vol\\_5\\_No\\_1\\_March\\_2018/23.pdf](https://www.jespnet.com/journals/Vol_5_No_1_March_2018/23.pdf)
- Mohd Nason, A., & Hanapi, M. S. (2019). Penerapan pendekatan pendidikan berasaskan qalbu dalam pembelajaran abad ke-21: Cabaran dan harapan. *AL-ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 20(1). 33-48. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol20no2.202>
- Muhammad Abu al-Layth al-Khayr Abadi. (2011). *Ulum al-hadith asiluha wa macasiruha*. Malaysia: Darul Syakir Enterprise.
- Musa, N. A., Ahmad, N. A., & Othman, M. S. (2022). Pembentukan sahsiah murid melalui program sahsiah unggul murid (SUMUR) di Malaysia. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 9(1). 109-134. <https://doi.org/10.53840/ejpi.v9i1.71>
- Pangilun, M. T., & Baharudin, H. (2021). Liqa' maqari' suatu tinjauan awal terhadap kualiti hafazan guru tahfiz al-Quran. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs (JQSS)*, 5(1). 113-126. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol5no1.101>
- Rahman, W. A. A., & Mohamad, N. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hadis dalam Pendidikan Islam sekolah-sekolah menengah harian di Negeri Perak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(38). 80-92. <https://myjournal.mohe.gov.my/public/article-view.php?id=158322>
- Suhid, A. & Mohd Fakhruddin, F. (2012). Gagasan pemikiran falsafah dalam Pendidikan Islam :Hala tuju dan cabaran. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(2). 57–70. <http://journalarticle.ukm.my/5995/1/48.pdf>
- Suryadarma, Y., & Haq, A. H. (2015). *Pendidikan akhlak menurut imam Al-Ghazali*. Indonesia, At-Ta'dib.

- Wan Kamarudin, W. A. Z. (2015). Kajian kes perbezaan jantina dalam pembentukan sahsiah muslim pelajar. *e-Academia Journal*, 4(1). 22-29.  
<https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/81711>
- Yusuf, N. (2015). Hadis sebagai sumber hukum islam (telaah terhadap penetapan kesahihan hadis sebagai sumber hukum menurut syafi'iy). *Jurnal Ilmiah Al-Syir'ah*, 13(1). 34-51.  
<http://dx.doi.org/10.30984/as.v13i1.4>
- Zurati, N. B. (2022). Mengubah tingkah laku disruptif murid berkeperluan pendidikan khas melalui pelaksanaan video modeling. *Amalan Terbaik Dalam Pendidikan Khas Dan Inklusif*, 1(1). 150-161.  
<https://publication.seameosen.edu.my/index.php/amalanterbaik/article/view/296>